

# Implikasi sistem pengaliran (streaming) di sekolah



**MINDA PENDIDIK**

**ABDUL SAID AMBOTANG**

Bersama Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Shukri Zain, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip

PADA era globalisasi, pendidikan adalah sangat penting tidak kira di negara-negara maju mahupun di negara-negara yang sedang membangun. Menerusi pendidikan, generasi muda pada hari ini dan masa depan dapat diasuh dan dipupuk agar mereka membesar dan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada Tuhan, dirinya, masyarakat dan negaranya. Sekolah merupakan institusi pendidikan yang memainkan peranan yang penting dalam menjana pendidikan kepada individu. Namun salah satu daripada fungsi tersirat sekolah juga adalah untuk menapis para pelajar bagi dialirkan ke aliran-aliran tertentu. Sistem pengaliran yang dijalankan di sekolah telah menyebabkan pelajar dialirkan ke aliran tertentu mengikut kebolehan akademik, minat dan potensi pelajar.

Pengaliran ini merupakan satu fenomena yang biasa dilihat di sekolah pada hari ini khususnya di sekolah harian kerajaan. Sistem ini telah dijalankan sekian lama dan telah menjadi budaya pihak pengurusan sekolah dalam menangani masalah pelajar yang pelbagai kebolehan. Sistem ini dibuat berdasarkan 'budi bicara' pihak pengurusan di sekolah dalam usaha untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk menjaga peratus kelulusan peperiksaan di sekolah amnya dan peperiksaan awam seperti UPSR, PMR dan SPM khususnya. Kesannya, fungsi sekolah telah menyimpang daripada matlamat asal Falsafah Pendidikan Negara (FPN) kerana telah mewujudkan proses pembezaan, polarisasi dan pembentukan sub-budaya dalam kalangan pelajar. Senario ini telah menimbulkan isu keberkesanan pelaksanaan sistem pengaliran di sekolah.

Falsafah Pendidikan Negara merupakan satu usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai amalan jeris iaitu merangkumi sahsiah yang baik, seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Justeru matlamat pendidikan adalah pendemokrasian dengan memberikan pendidikan yang sama kepada semua pelajar. Namun begitu, sistem pengaliran yang diamalkan kini secara tidak langsung telah menyebabkan para guru dan pihak pentadbir kurang penghayatan terhadap falsafah ini dalam melaksanakan kurikulum. Ini menyebabkan pelaksanaan kurikulum tidak menuju kepada apa yang dihasratkan. Tambahan pula, pendidikan hari ini lebih berorientasikan kepada peperiksaan iaitu pelajar ditekankan kepada aspek penguasaan akademik dan peperiksaan semata-mata.

Sistem pengaliran merupakan satu strategi tindak balas terhadap pembezaan kebolehan, minat dan potensi yang wujud dalam kalangan pelajar terutamanya dari segi akademik. Berdasarkan perbezaan kebolehan, pelajar yang bijak akan dialirkan ke aliran baik dan pelajar yang tidak pandai akan dialirkan ke aliran lemah. Hal yang sama berlaku apabila wujud perbezaan minat dan potensi pelajar. Untuk

perbezaan kebolehan, pengaliran ini berlaku disebabkan oleh keperluan guru dan pentadbiran di samping menyenangkan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pentadbiran sekolah juga berhadapan dengan tekanan peperiksaan dan juga desakan daripada ibu bapa iaitu untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik disebabkan persaingan antara sekolah dalam mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang tanpa menghiraukan kualiti individu yang dilahirkan. Berdasarkan senario tersebut maka sekolah terpenggil untuk mengasingkan pelajar mengikut kebolehan akademik supaya mereka dapat diajar mengikut kebolehan dan tahap pencapaian akademik mereka.

Pada peringkat sekolah rendah amalan pengaliran agak kurang menyerlah, ada kalanya tidak wujud pengaliran dalam sistem pendidikan. Pelajar melalui proses penyamaan berdasarkan aspek kemasukan, umur, tenaga pengajar dan kurikulum. Namun di peringkat sekolah menengah rendah, sistem pendidikan cuba membuat pembezaan atau pengaliran tertentu, iaitu khususnya berdasarkan prestasi seseorang pelajar. Pengaliran yang paling ketara sekali di negara kita ialah menempatkan pelajar-pelajar yang cerdik di sekolah elit seperti Sekolah Menengah Sains, Maktab Rendah Sains Mara, Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Asrama Penuh yang lain. Manakala di peringkat amalan sekolah pula, pelajar dibahagikan ke kelas-kelas berdasarkan ukuran prestasi pelajar berdasarkan peperiksaan tahunan. Misalnya, selepas PMR pelajar dialirkan kepada beberapa jurusan seperti aliran sains, teknikal, agama dan biasa namun di dalam setiap jurusan tersebut juga mengandungi kelas yang terbaik dan kurang baik.

Tidak dapat dinafikan, pengaliran dapat meningkatkan keupayaan pelajar yang berprestasi tinggi. Ini disebabkan mereka dapat mempelbagaikan kaedah pembelajaran. Silibus dapat dihabiskan dengan cepat dan mereka dapat menumpukan pada banyak kepada latihan tubi. Manakala bagi pelajar yang lemah, mereka akan melalui proses pemulihan tanpa rasa tertekan, terganggu dan boleh saling membantu antara mereka kerana berada dalam lingkungan pelajar yang memiliki tahap kebolehan yang sama. Bagi guru pula, pengaliran dapat memudahkan perancangan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap dan kebolehan akademik pelajar. Guru akan menyampaikan isi pelajaran bergantung kepada tahap penerimaan pelajar dalam kelas tersebut. Dalam kelas heterogen yang pelajar berlainan kemampuan, guru akan mengajar pada tahap optimum bagi sesetengah pelajar, tetapi pengajaran ini akan sukar bagi pelajar lain untuk menerimanya. Melalui pengaliran juga, guru dapat memberi fokus kepada membentuk kreativiti dalam kalangan pelajar yang pandai. **-Bersambung**

*\*Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com*